



ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 4, Number 2

2008

ISSN 1675-7939

SCIENCE & TECHNOLOGY

Using Kaplan Meier and Cox Regression in Survival Analysis:
An Example

Teoh Sian Hoon

A Study on the Higher Moment of a Biased Estimator

Ng Ser Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe

The Structural Modifications of *Candida albicans* Cells
After Treatment with *Cinnamomum zeylanicum*
Blume Crude Extract

Noor Hazarina Nordin
Darah Ibrahim
Siti Nurdijati Baharuddin

Simulation of Routing Probability in Ad Hoc
Networks

Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri
Muhammad Hisyam Lee
Shaharuddin Salleh

Decomposition and Dipteran Composition
on Exposed Carcasses in an Oil Palm Plantation:
A Forensic Entomology Study

Azwandi Ahmad
Abu Hassan Ahmad

SOCIAL SCIENCES

Kajian ke atas Keberkesanan Kursus CAD/CAM Terhadap
Kecekapan Jurutera Pembuatan dan Jurutera Mekanikal
bagi Graduan-graduan Universiti Awam

Mohamad Irwan Yahaya
Rosley Jaafar
Noor Iswadi Ismail

Korelasi antara Persekitaran Pembelajaran Matematik,
Sikap Pelajar Terhadap Matematik, dan Pencapaian
Pelajar dalam Matematik: Satu Kajian Kes

Salina Hamed
Peridah Bahari
Abdul Ghani Kanesan Abdullah

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 4, Number 2

2008

ISSN 1675-7939

Foreword

v

SCIENCE & TECHNOLOGY

1. Using Kaplan Meier and Cox Regression in Survival Analysis:
An Example 3
Teoh Sian Hoon
2. A Study on the Higher Moments of a Biased Estimator 15
Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe
3. The Structural Modifications of *Candida albicans* Cells After
Treatment with *Cinnamomum zeylanicum* Blume Crude Extract 31
Noor Hazarina Nordin
Darah Ibrahim
Siti Nurdijati Baharuddin
4. Simulation of Routing Probability in Ad Hoc Networks 39
Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri
Muhammad Hisyam Lee
Shaharuddin Salleh
5. Decomposition and Dipteran Composition on Exposed
Carcasses in an Oil Palm Plantation: A Forensic Entomology Study 51
Azwandi Ahmad
Abu Hassan Ahmad

SOCIAL SCIENCES

6. Kajian ke atas Keberkesanan Kursus CAD/CAM Terhadap Kecekapan Jurutera Pembuatan dan Jurutera Mekanikal bagi Graduan-graduan Universiti Awam 75
Mohamad Irwan Yahaya
Rosley Jaafar
Noor Iswadi Ismail
7. Korelasi antara Persekitaran Pembelajaran Matematik, Sikap Pelajar Terhadap Matematik, dan Pencapaian Pelajar dalam Matematik: Satu Kajian Kes 91
Salina Hamed
Peridah Bahari
Abdul Ghani Kanesan Abdullah
8. Penerangan Tentang Penggunaan Tulisan Cina Berasaskan Prinsip-prinsip *Liu Shu* dalam Buku Teks Mandarin 105
Hoe Foo Terng
9. Students' View on Using Web-Based Resources in Learning: Qualitative Study 119
Peridah Bahari
Salina Hamed
10. Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan yang Pernah Dimainkan dalam Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamiah di Malaysia 133
Zulkifli Dahalan
11. Designing Learning Resources as Classroom Activities with the Use of Newspapers 151
Cheang Eng Kwong
12. A Needs-Analysis on the Engineering Undergraduates' Communication Skills 163
Suzana Ab. Rahim

13. A Study of At-Home and Out-of-Home Parental Involvement and Student Achievement in English	185
Liaw Shun Chone Angelina Subrayan	
14. Peranan Kepimpinan Mahasiswa di Kolej Kediaman dalam Memperkasa Kemahiran Insaniah (<i>Soft Skills</i>)	199
Fairus Muhamad Darus	

Penerangan Tentang Penggunaan Tulisan Cina Berasaskan Prinsip-prinsip *Liu Shu* dalam Buku Teks Mandarin

Hoe Foo Terng

ABSTRAK

Setiap pelajar yang mengikuti program ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM) diwajibkan mengambil satu kursus bahasa asing. Pelajar perlu lulus semua tahap dalam kursus bahasa asing yang diambil oleh mereka, iaitu dari tahap satu hingga tahap tiga untuk menamatkan pengajian. Bagi pelajar bumiputera yang mempelajari bahasa Mandarin tahap 3 di UiTM, mereka perlu mempelajari sebanyak 20 frasa tulisan Cina (50 perkataan). Pelajar-pelajar ini menghadapi kesukaran untuk mengecam tulisan-tulisan Cina kerana bagi mereka setiap tulisan Cina itu mempunyai bentuk yang hampir sama. Oleh itu, penerangan tentang prinsip-prinsip pembentukan tulisan Cina *Liu Shu* kepada para pelajar penting untuk membantu mereka dalam mengecam pelbagai bentuk tulisan Cina, dan seterusnya memupuk minat mereka dalam mempelajari bahasa Mandarin. Kebanyakan pelajar didapati lebih berminat dengan tulisan-tulisan Cina yang dibentuk melalui prinsip-prinsip *Xiangxing*, *Zhishi*, dan *Huiyi*. Ini adalah kerana ketiga-tiga prinsip pembentukan tulisan tersebut mempunyai satu ciri yang sama, iaitu mempunyai elemen gambar. Dengan elemen gambar ini, pelajar dapat menghayati keunikan dan kecantikan tulisan Cina di samping mengenali adat resam dan budaya masyarakat Cina pada zaman tulisan itu dibentuk.

Kata kunci: tulisan Cina, *Liu Shu*, buku teks Mandarin

Pengenalan

Selepas negeri China diterima sebagai ahli dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization* [WTO]) dan sejajar dengan perkembangan kegiatan ekonomi yang pesat sejak kebelakangan ini, pengusaha-pengusaha dari seluruh pelosok dunia berpusu-pusu masuk

ke China dengan harapan untuk mengaut keuntungan daripada pasaran China yang begitu besar (populasi kira-kira 10 bilion orang). Untuk berurus niaga dengan orang dari China, langkah pertama yang perlu diambil ialah dengan mempelajari bahasa Mandarin supaya dapat berkomunikasi secara berkesan dengan mereka. Memandangkan peluang perniagaan yang begitu banyak di China, mempelajari bahasa Mandarin telah menjadi satu trend dan popular dewasa ini, dan hampir semua negara di dunia menggalakkan rakyat mereka supaya mempelajari bahasa tersebut. Pelajar-pelajar bumiputera di Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga tidak ingin ketinggalan. Bilangan pelajar bumiputera (khususnya pelajar Melayu) yang mempelajari bahasa Mandarin meningkat pada setiap tahun. Menurut Chuen (2006), bilangan pelajar Institut Teknologi MARA (ITM) yang mengikuti kursus bahasa Mandarin pada tahun 1994 ialah sebanyak 788 orang (dari empat fakulti) dan bilangan ini telah meningkat 10 kali ganda pada 10 tahun kemudian. Pada 2004, sebanyak 8,000 orang pelajar UiTM dari semua fakulti (20 fakulti) telah mengikuti kursus bahasa Mandarin.

Kursus bahasa Mandarin di UiTM mementingkan kemahiran berkomunikasi. Oleh itu, bahasa Mandarin yang diajar menggunakan tulisan dalam bentuk *Hanyu Pinyin* (Mandarin Roman), manakala tulisan Cina hanya diajar dalam tahap 3. Semua 20 frasa (50 perkataan) tulisan Cina yang diajar dalam kursus bahasa Mandarin untuk tahap tiga, iaitu kursus Bahasa Mandarin III (BMD501) akan diuji dalam peperiksaan pada akhir semester pengajian.

Tulisan Cina terdiri daripada pelbagai jenis garisan (*stroke*) dan bentuk tulisan ialah segi empat. Pelajar bumiputera yang mempelajari bahasa Mandarin dalam hanya tiga semester sukar untuk mengecam tulisan-tulisan Cina tersebut kerana setiap tulisan Cina itu kelihatan hampir sama. Oleh itu, penerangan tentang prinsip-prinsip pembentukan tulisan Cina *Liu Shu* kepada para pelajar penting untuk membantu mereka dalam mengecam pelbagai bentuk tulisan Cina, dan seterusnya memupuk minat mereka dalam mempelajari bahasa Mandarin.

Kajian Literatur

Menurut Xu Shen (1989) dan Tang Lan (1988), pada zaman purba, iaitu sebelum wujudnya tulisan Cina, manusia mengingat perkara penting dengan mengikat simpulan tali. Cara ini didapati kurang berkesan kerana kadang kala mereka yang mengikat simpulan itu juga tidak dapat mengingat maksud simpulan yang telah dibuat.

Xu Shen berpendapat bahawa Changjie ialah orang pertama yang mencipta tulisan Cina. Selepas Huangdi (黃帝) (abad ke-26 SM) menyatupadukan kaum-kaum di kawasan pengairan Sungai Huang, kerja-kerja pentadbiran menjadi semakin berat dan simpulan tali tidak dapat membantu dalam urusan merekodkan perkara-perkara pentadbiran yang semakin banyak. Oleh itu, Huangdi telah mengarahkan pegawainya, Changjie untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah ini. Changjie berasa susah hati kerana selepas beliau berusaha selama tiga bulan, beliau masih tidak dapat menemui suatu penyelesaian yang bagus. Pada suatu petang, ketika beliau keluar berjalan-jalan sambil menundukkan kepala dengan hati yang resah, tiba-tiba beliau terlihat sesuatu di atas lantai. Changjie terlihat beberapa jejak kaki burung (人). Kemudian beliau mendapat ilham melalui peristiwa ini, dan jejak kaki burung tersebut telah dijadikan perkataan bergambar (*pictorial*) pertama dalam tulisan Cina.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh Xu Shen, Zhou Li yang merupakan peraturan pada Dinasti Zhou (1100 SM–256 SM), telah mewajibkan anak-anak pegawai kerajaan yang berpangkat tinggi supaya mula belajar pada umur 8 tahun. Mata pelajaran pertama yang diajar ialah tulisan Cina (*Xiaoxue*). Pelajar tersebut diajar sebanyak enam prinsip pembentukan tulisan Cina yang digelar *Liu Shu*. Enam prinsip tersebut ialah *Xiangxing*, *Zhishi*, *Huiyi*, *Xingsheng*, *Zhuanzhu* dan *Jiajie*. Mengikut kajian oleh Tang Lan, jasa Xu Shen yang paling besar ialah dalam menyenaraikan contoh-contoh tulisan Cina berdasarkan enam prinsip pembentukan tulisan Cina tersebut. Walaupun hanya dua contoh yang diberikan untuk setiap prinsip, contoh-contoh tersebut telah menceritakan perkembangan penting dalam sejarah tulisan Cina. Dengan wujudnya contoh-contoh yang diberikan oleh Xu Shen, sistem *Liu Shu* boleh dikatakan telah sempurna.

Menurut Yang Jinding et al. (1988), tulisan Cina yang digunakan sekarang sebenarnya telah melalui satu siri proses perubahan yang panjang. Tulisan Cina pertama yang mempunyai rekod ialah *Jiaguwen* (tulisan yang diukirkan pada permukaan kulit kura-kura dan tulang oracle lembu). *Jiaguwen* yang digunakan semasa Dinasti Shang 1800 SM–1200 SM tidak mempunyai bilangan garisan (*stroke*) yang tetap, dan boleh ditulis secara songsang arah. *Jiaguwen* tidak menggunakan banyak elemen lukisan (bergambar) tetapi menggunakan banyak elemen berbentuk tulisan. Tulisan Cina yang paling awal direka ialah tulisan *Xiangxing*. Tulisan *Jiaguwen* yang mempunyai banyak elemen daripada tulisan *Xingsheng* menunjukkan bahawa *Jiaguwen* sudah agak maju pada zaman itu. Selepas tulisan *Jiaguwen*, wujud pula *Jinwen* (tulisan

yang terdapat pada permukaan bahan logam). *Jinwen* boleh dijumpai pada bahan-bahan logam pada Dinasti Zhou (1200 SM–300 SM), dan Dinasti Han (206 SM–220 M). Tulisan *Jinwen* adalah sama seperti *Jiaguwen* yang tidak mempunyai bilangan garisan (*stroke*) yang tetap dan boleh ditulis secara songsang arah. Sebelum Shi Huangdi (始皇帝) menyatupadukan China pada tahun 221 SM, terdapat banyak jenis tulisan yang digunakan oleh negara-negara lain pada masa itu. Tulisan-tulisan pada masa itu ialah *Zhouwen* (籀文), *Dazhuan* (大篆), *Shiguwen* (石鼓文), dan *Xiaozhuan* (小篆). Selepas penyatupaduan China dan pembentukan Dinasti Qin (秦朝), Shi Huangdi melarang penggunaan bentuk-bentuk tulisan yang lain kecuali *Xiaozhuan*. *Xiaozhuan* sudah mempunyai bilangan garisan yang tetap dan tidak boleh ditulis secara songsang arah dengan sewenang-wenangnya. Oleh sebab *Xiaozhuan* ialah sejenis tulisan yang agak sukar ditulis, pegawai-pegawai berpangkat rendah yang sibuk dengan dokumentasi menghasilkan sejenis tulisan yang lebih senang ditulis berbanding *Xiaozhuan*, yang digelar *Lishu* (隶书).

Menurut Tang Lan, bentuk tulisan *Lishu* pada mulanya kelihatan kurang kemas. Kemudian tulisan ini berkembang menjadi satu tulisan yang lebih kemas yang dikenali sebagai *Kaishu* (楷书). *Kaishu* ialah tulisan Cina yang digunakan sekarang. Satu lagi tulisan yang kekal penggunaannya walaupun kurang kemas ialah *Caoshu* (草书). Pada zaman Dinasti Han juga terhasil sejenis tulisan yang bentuknya kelihatan seperti *Lishu* dan *Kaishu*. Tulisan ini dikenali sebagai *Xingshu* (行书) (tulisan campuran antara *Lishu* dan *Kaishu* yang diringkaskan). Walaupun tulisan Cina telah mengalami banyak perubahan, bentuknya masih kekal dengan bentuk segi empat (方块字).

Metodologi

Kajian ini dijalankan berdasarkan prosedur kajian melalui bahan perpustakaan (*Library search*) atau kajian sejarah. Tujuan kajian adalah untuk mengumpulkan dapatan-dapatan kajian yang dijalankan oleh pakar-pakar etimologi dan mendemonstrasikan satu cara yang boleh memupuk minat pelajar-pelajar bumiputera UiTM yang mengambil kursus bahasa Mandarin yang menerapkan pembelajaran tulisan Cina. Dengan cara tersebut, pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Mandarin, khususnya pelajar-pelajar dalam tahap 3 akan dapat mempelajari tulisan Cina dengan mudah dan mampu menghadapi peperiksaan akhir mereka dengan lebih berkeyakinan.

Kajian ini dimulakan dengan menyatakan masalah yang akan dihadapi oleh pelajar bumiputera yang mempelajari tulisan yang digunakan dalam bahasa Mandarin. Seterusnya, sejarah tulisan Cina diperkenalkan dan revolusi tulisan diterangkan secara ringkas. Kemudian, enam prinsip pembentukan tulisan Cina *Liu Shu* diterangkan bersama-sama dengan contoh-contoh.

Akhir sekali, 12 tulisan Cina yang dipilih dari buku-buku teks kursus bahasa Mandarin tahap 1, 2, dan 3 dihuraikan berdasarkan enam prinsip pembentukan tulisan Cina untuk membantu pelajar mengecam tulisan-tulisan Cina di samping mencungkil maklumat-maklumat kebudayaan serta keadaan masyarakat pada zaman tulisan tersebut dibentuk.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Prinsip-prinsip Pembentukan Tulisan Cina *Liu Shu*

Terdapat enam prinsip pembentukan tulisan Cina *Liu Shu*. Prinsip-prinsip tersebut ialah *Xiangxing*, *Zhishi*, *Huiyi*, *Xingsheng*, *Zhuanzhu*, dan *Jiajie*.

Xiangxing

Xiangxing ialah perkataan yang berbentuk gambar. Antara perkataan yang berbentuk gambar ialah seperti 'bukit' atau 'gunung' [*shan* (山)] dan 'air' [*shui* (水)] (Jadual 1).



Zhishi

Zhishi ialah perkataan yang menggunakan simbol atau tanda. Antara contoh perkataan yang menggunakan simbol atau tanda pada elemen gambar untuk menggambarkan tentang idea yang abstrak ialah seperti 'mata pisau' [*ren* (刃)] dan 'bahagian atas' [*shang* (上)] (Jadual 2).



Jadual 1: Contoh Perkataan Berbentuk Gambar (*Xiangxing*)

Perkataan	Gambar
'Bukit' atau 'gunung' [<i>shan</i> (山)]	
'Air' [<i>shui</i> (水)]	

Jadual 2: Contoh Perkataan yang Menggunakan Simbol atau Tanda (*Zhishi*)

Perkataan	Simbol/Tanda
'Mata pisau' [ren (刃)] 	Simbol 刀 bermaksud 'pisau', manakala simbol 刃 pula bermaksud 'mata pisau'. Perkataan 'mata pisau' (ren 刃) diwujudkan dengan meletakkan satu tanda pada bahagian 'pisau' 刀.
'Bahagian atas' [shang (上)] 	Perkataan kuno shang (上) menggunakan simbol 一. Simbol 一 menunjukkan 'lantai' secara simbolik. Apabila satu tanda diletakkan di atas 'lantai', maka wujudlah perkataan 'bahagian atas' atau shang yang melambangkan sesuatu yang berada di atas lantai.

Jadual 3: Contoh Perkataan yang Menggunakan Prinsip *Huiyi*

Perkataan	Simbol/Tanda
'Ramai' [zhong (众)] 	Simbol 人 memberi maksud 'seorang'. Oleh itu, perkataan 'ramai orang' dapat dibentuk dengan menggunakan simbol 人 yang diletakkan secara berkumpulan di suatu tempat supaya dapat membentuk simbol 'ramai' [zhong (众)], yang bermaksud 'orang ramai'.
'Rehat' [xiu (休)] 	Simbol 木 bermaksud 'pohon pokok'. Apabila seorang (人) bersandar pada batang pokok, ini akan membawa maksud 'rehat' [xiu (休)].



Huiyi

Huiyi ialah perkataan yang menggabungkan dua elemen gambar atau lebih dengan satu simbol untuk memberi satu maksud yang baru. Dua gambar yang pada asalnya mempunyai maksud tertentu, apabila digabungkan akan membawa maksud yang berlainan pula. Contoh perkataan yang menggunakan prinsip *Huiyi* ialah seperti 'ramai' [zhong (众)] dan 'rehat' [xiu (休)] (Jadual 3).



Xingsheng

Xingsheng ialah perkataan yang menggabungkan elemen fonetik dan elemen gambar. Antara contoh perkataan yang menggunakan prinsip *Xingsheng* ialah seperti 'sungai' [he (河)] dan 'kain sutera' [chou (绸)] (Jadual 4).

Jadual 4: Contoh Perkataan yang Menggunakan Prinsip *Xingsheng*

Perkataan	Fonetik/Gambar
'Sungai' [he (河)] 	Perkataan <i>he</i> (河) bermaksud sungai. Perkataan ini terdiri daripada elemen gambar seperti 'air' 氵 dan elemen fonetik 可. Elemen gambar menunjukkan bahawa perkataan <i>he</i> (河) mempunyai kaitan dengan air. Antara contoh lain ialah seperti perkataan 'anak sungai' [xi (溪)], 'sungai besar' [jiang (江)], 'tasik' [hu (湖)], dan 'laut' [hai (海)].
'Kain sutera' [chou (绸)] 	Perkataan <i>chou</i> (绸) bermaksud 'kain sutera'. Perkataan ini terdiri daripada elemen gambar 'benang tenunan' 纟 dan elemen fonetik 周. Elemen gambar 纟 menunjukkan bahawa perkataan ini mempunyai kaitan dengan tenunan sutera. Antara contoh perkataan lain ialah seperti 'kain sutera nipis' [ling (綾)] yang mempunyai permukaan licin, <i>duan</i> (緞), iaitu sejenis kain sutera yang mempunyai permukaan licin, dan 'kerja tenunan' [hong (紅)].





Jadual 5: Contoh Perkataan yang Menggunakan Prinsip *Jiajie*

Perkataan Asal	Pembentukan perkataan
'Senja kala' [mo (莫)] 	Perkataan kuno <i>mo</i> (莫) ditulis sebagai 莫 yang membawa maksud seperti matahari jatuh ke dalam rumpun rumput, iaitu 'senja kala'. Perkataan <i>mo</i> (莫) kemudiannya dipinjamkan untuk satu perkataan baru dan diberi maksud 'jangan'. Perkataan asal 'senja' pula ditulis sebagai <i>mu</i> (暮).
Perkataan Asal	Pembentukan perkataan
'Ketiak' [yi (亦)] 	Perkataan kuno <i>yi</i> (亦) ditulis sebagai 亦. Dua tanda yang diletakkan di kedua-dua bahagian bawah tangan gambar orang 亻 bermaksud ketiak. Perkataan <i>yi</i> (亦) kemudiannya dipinjam dan diberi maksud lain. Perkataan asal 'ketiak' pula ditulis sebagai <i>ye</i> (腋).

Jiajie

Jiajie merupakan perkataan yang dibentuk dengan meminjam dari perkataan lain dan tidak mempunyai kaitan dari segi maksud perkataan, walaupun bunyi bacaan kedua-dua perkataan tersebut sama atau hampir sama. Perkataan yang telah dipinjamkan untuk membentuk perkataan

Jadual 6: Contoh Perkataan yang Menggunakan Prinsip *Zhuanzhu*

Perkataan	Maksud perkataan
'Tua' [lao (老)]  [kao (考)] 	Perkataan <i>lao</i> (老) mempunyai maksud yang sama dengan perkataan <i>kao</i> (考). Menurut kamus tulisan Cina, <i>Shuowen Jiezi</i> (说文解字), perkataan <i>lao</i> (老) mempunyai maksud yang sama dengan perkataan <i>kao</i> (考). Kamus tersebut menunjukkan bahawa kedua-dua perkataan saling menerangkan dan tiada penerangan lain.
'Panjang' [chang (长)] atau 'ketua' [zhang (长)] 	Perkataan <i>chang</i> (长) bermaksud panjang. Perkataan  kelihatan seperti orang tua yang berambut panjang sedang memegang tongkat. Maka, <i>chang</i> (长) telah diberi maksud baru, iaitu 'ketua' (<i>zhang</i>), kerana orang tua selalu dianggap berpengalaman dan selalu dilantik sebagai ketua.

baru diberi maksud yang baru. Contoh perkataan yang menggunakan prinsip *Jiajie* ialah seperti perkataan asal 'senja kala' [*mo* (莫)] dan perkataan asal 'ketiak' [*yi* (亦)] (Jadual 5).






Zhuanzhu

Zhuanzhu ialah perkataan yang dapat menerangkan tentang perkataan lain dan kedua-duanya perkataan itu dapat saling menerangkan (maksud yang hampir sama), atau perkataan yang maksud asalnya berkembang menjadi maksud yang lain tetapi bentuk tulisannya adalah sama. Antara contoh perkataan *Zhuanzhu* ialah seperti 'tua' [*lao* (老) dan *kao* (考)] dan 'panjang' [*chang* dan *zhang* (长)] (Jadual 6).

Penggunaan Tulisan-tulisan Cina dalam Buku Teks Kursus Bahasa Mandarin I (BMD401), Bahasa Mandarin II (BMD451), dan Bahasa Mandarin III (BMD501)






Menurut Wang Yuping dan Sun Chengzheng (2001, Mei), tulisan Cina merupakan satu komponen yang tidak boleh diasingkan daripada kebudayaan orang Cina. Melalui tulisan Cina, kita dapat mengetahui adat resam dan kebudayaan masyarakat Cina pada zaman tulisan itu dibentuk (Jadual 7).

Jadual 7: Hubungan Antara Tulisan dengan Adat Resam dan Kebudayaan Masyarakat Cina

Perkataan	Prinsip/Penerangan	Maklumat lain
'Perempuan' [nu (女)] 	Prinsip <i>Xiangxing</i> : Tulisan ini menggambarkan tentang seorang perempuan/wanita yang berlutut dengan kedua-dua belah tangan diikat ke belakang.	Status wanita amat rendah pada zaman dahulu
'Lahir' atau 'tumbuh' [sheng (生)] 	Prinsip <i>Xiangxing</i> : Tulisan ini menggambarkan satu tunas tumbuhan yang bercambah dari tanah. Tulisan ini kemudian diberi maksud 'lahir'.	Tanah ialah ibu kepada segala kehidupan.
'Abang' [xiong (兄)] 	Prinsip <i>Xiangxing</i> : Tulisan ini menggambarkan seorang abang yang membuka mulut dengan luas dan menunjukkan jari untuk memberi arahan kepada adik-adiknya.	Mengikut sistem hierarki, orang yang berada di bawah mesti mengikut arahan daripada orang atasannya.
'Lelaki' [nan (男)] 	Prinsip <i>Huiyi</i> : Tulisan ini terdiri daripada dua bahagian. Perkataan 田 merupakan gambar sawah padi, manakala perkataan 力 bermaksud tenaga. Jika digabungkan, kedua-dua elemen memberi maksud orang yang mengeluarkan tenaga untuk mengusahakan sawah padi, iaitu lelaki.	Lelaki memainkan peranan penting dalam aktiviti-aktiviti pertanian.
'Baik' [hao (好)] 	Prinsip <i>Huiyi</i> : Perkataan 女 bermaksud 'perempuan' dan perkataan 子 bermaksud 'anak'. Tulisan ini menggambarkan seorang wanita yang menimang anaknya. Zuriat (anak) merupakan sumber tenaga manusia untuk sesebuah keluarga. Kelahiran seorang anak merupakan suatu perkara yang baik.	Zuriat adalah sangat penting dalam masyarakat Cina pada zaman kuno.




(Jadual bersambung)

Jadual 7 (sambungan)

Perkataan	Prinsip/Penerangan	Maklumat lain
'Geng' [peng (朋)] 	Prinsip <i>Huiyi</i> : Tulisan ini terdiri daripada gambar dua ketul daging. Perkataan <i>peng</i> (朋) bermaksud kumpulan orang yang makan bersama-sama. Pada zaman kuno, mereka yang belajar di tempat yang sama (akan makan bersama-sama) digelar <i>peng</i> (朋). Tulisan ini juga membawa maksud 'geng'.	Kumpulan orang yang mempunyai minat atau hobi yang sama akan hidup dan makan bersama dan membentuk 'geng'.
'Kawan' [you (友)] 	Prinsip <i>Huiyi</i> : Tulisan ini terdiri daripada dua gambar tangan yang berjabat yang memberi maksud 'kawan'. Pada zaman kuno, mereka yang mempunyai cita-cita yang sama digelar <i>you</i> (友).	Adat jabat tangan telah lama muncul dalam masyarakat Cina pada zaman dahulu.
'Lihat' [kan (看)] 	Prinsip <i>Huiyi</i> : Tulisan ini terdiri daripada gambar-gambar tangan 手 dan mata 目. Tangan yang diletakkan di atas mata memberi makna 'lihat'.	Perkataan yang mempunyai elemen gambar 'mata' 目 biasanya berkaitan dengan perkataan 'lihat'.
'Adik perempuan' [mei (妹)] 	Prinsip <i>Xingsheng</i> : Perkataan 妹 bermaksud adik perempuan. Perkataan ini terdiri daripada elemen gambar 'perempuan' 女 dan elemen fonetik 未. Elemen gambar menunjukkan bahawa perkataan <i>mei</i> (妹) mempunyai kaitan dengan jantina perempuan.	Contoh lain: 'kakak' [jie (姐)], 'kahwin' [hun (婚)], 'emak' [ma (妈)], dan 'emak saudara' [yi (姨)].
'Sayur' [cai (菜)] 	Prinsip <i>Xingsheng</i> : 菜 itu bermaksud sayur. Perkataan ini terdiri daripada elemen gambar 艹 (tumbuhan) dan elemen fonetik 采. Elemen gambar menunjukkan bahawa perkataan 菜 ada kaitan dengan tumbuh-tumbuhan.	Contoh lain: 草 (cao) rumput, 花 (hua) bunga, 蔬 (shu) sayur dan 芋 (yu) keladi.

(Jadual bersambung)

Jadual 7 (sambungan)

Perkataan	Prinsip/Penerangan	Maklumat lain
'Pagi' [zao (早)] 	Prinsip <i>Jiajie</i> : Perkataan 蚤, yang maksudnya kutu mempunyai sebutan yang sama dengan perkataan pagi [zao (早)]. Kutu menggigit orang pada waktu subuh, orang yang terkena gigit akan berasa gatal dan bangun awal. Oleh kerana tiada perkataan untuk pagi, perkataan pagi pada zaman dulu ditulis sebagai 蚤. Zao (早) yang direka kemudian difahamkan sebagai gambar orang yang bangun pagi dan bersenam di hadapan matahari.	Penggunaan perkataan yang mempunyai sebutan yang sama tetapi mempunyai tulisan yang berbeza memang biasa digunakan pada zaman dahulu.
'Terbang' [fei (飞)]  	Prinsip <i>Jiajie</i> : Perkataan 非, bermaksud sejenis belalang yang boleh terbang. Perkataan 'terbang' [fei (飞)] terdapat dalam Jinwen tetapi tidak digunakan sebagai perkataan yang menerangkan perbuatan 'terbang'. Pada zaman Dinasti Han, perkataan 非 yang mempunyai sebutan yang sama dengan fei (飞) telah digunakan secara meluas untuk membawa maksud terbang.	Sarjana yang terkenal biasanya mempunyai pengaruh yang kuat ke atas tulisan yang digunakan pada zaman itu.

Kesimpulan

Kebanyakan pelajar berminat dengan tulisan-tulisan Cina yang dibentuk melalui prinsip *Xiangxing*, *Zhishi*, dan *Huiyi*. Ini adalah kerana ketiga-tiga prinsip pembentukan tulisan ini mempunyai satu ciri yang sama, iaitu mempunyai elemen gambar yang mudah diingati dan dibezakan maksud sesuatu perkataan. Dengan elemen gambar, pelajar dapat menghayati keunikan dan kecantikan tulisan Cina. Di samping itu, daripada tulisan-tulisan Cina (elemen gambar), pelajar juga boleh mengetahui tentang adat resam dan kebudayaan masyarakat Cina pada zaman tulisan itu dibentuk.

Rujukan

- Cheun Heng Huat. (2006). *Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Malaysia*. Risalah Penyelidikan. Pusat Kajian Etnik di Malaysia, Kolej New Era Kajang.
- Cheun Heng Huat, Florence Kuek Zhi Wei, & Chuah Yoon Fah. (2002). *Attitude towards the learning of Chinese characters among students in Universiti Teknologi MARA*. Kertas projek kajian. Biro Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Teknologi MARA.
- Dai Yi, Gong Shuduo and History Society of China. (2003). *Caituban Zhongguo Tongshi* [Sejarah umum China]. China: Haiyan Chubanshe.
- Gao Wenyuan. (1991). *Hanzi Jiaoxue Manhua* [Pengajaran tulisan Cina secara umum]. China: Beijing Jiaoyu Chubanshe.
- Li Leyi. (1992). *Hanzi Yanbian Wubai Li* [500 Contoh tulisan Cina yang mengalami perubahan]. China: Beijing Yuyan Xueyuan Chubanshe.
- Pan Zhonggui. (1977). *Zhongguo Wenzixue* [Ilmu tulisan Cina]. Taiwan: Dongda Tushu Youxian Gongsu.
- Shi Zhengyu. (1997). *Picture within a picture: An illustrated guide to the origins of Chinese characters*. China: New World Press.
- Tang Han. (2001). *Hanzi Mima* [Kod sulit tulisan Cina]. Jilid 1 & 2. China: Xuelin Chubanshe.
- Tang Lan. (1988). *Zhongguo Wenzixue* [Ilmu tulisan Cina]. Hong Kong: Xianggang Taiping Shuju.
- Wang Fengyang. (1995). *Hanzi De Zhengzi Yu Zhengyin* [Tulisan piawai dan sebutan piawai Cina]. China: Yuwen Chubanshe.
- Xu Shen. (1989). *Shuowen Jiezi* [Penerangan tentang tulisan Cina]. Hong Kong: Zhonghua Shuju.

piawaian dan sebutan piawaian Cina]. China: Yuwen Chubanshe.

Xu Shen. (1989). *Shuowen Jiezi* [Penerangan tentang tulisan Cina]. Hong Kong: Zhonghua Shuju.

Yang Jinding, Ding Guangxun, Wang Lixian, Wang Songlin, Fang Chengbing, Feng Yuankuai et al. (1988). *Zhongguo Wenhushi Cidian* [Kamus budaya dan sejarah China]. China: Zhejiang Guji Chubanshe.

Yuping Wang, & Chengzheng Sun. (2001, Mei). *Internet-based real time language education: Towards a fourth generation distance education. The Computer Assisted Language Instruction Consortium, 18*(3). Dicapai daripada <http://www.lerc.ritsumei.ac.jp/callej/4-1/wang1.html> (dicapai pada 15 November 2006).

HOE FOO TERNG, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA. E-mel: hoefo964@uitm.ppinang.edu.my